

Faktor Dalaman Dalam Pembentukan Tingkah laku Beragama Menurut al-Ghazali dan Sigmund Freud

Internal factor in Religious Behavior Formation According to al-Ghazali and Sigmund Freud

Nor Nazimi Mohd Mustaffa¹, Aminuddin Basir² & Jaffary Awang³

ABSTRAK

Salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama adalah faktor dalaman. Perkara ini telah dibincangkan oleh sarjana Barat dan sarjana Islam iaitu al-Ghazali (1058-1111) dan Sigmund Freud (1856-1939). Walau bagaimanapun kedua-dua tokoh ini mempunyai pandangan yang tersendiri berdasarkan kajian dan pemahaman mereka. Oleh yang demikian, makalah ini memperihalkan pandangan dan pemikiran mereka berhubung faktor dalaman sebagai faktor pembentuk tingkah laku beragama. Setelah diteliti, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan dan persamaan pandangan diantara kedua-dua sarjana tersebut dalam membincangkan perkara ini. Perbezaannya adalah dari segi komponen dalaman yang membentuk tingkah laku beragama. Bagi al-Ghazali, komponen yang membentuk tingkah laku beragama adalah komponen jiwa yang terdiri daripada ruh, nafs, 'aql dan qalb. Menurut Freud pula, komponen minda bawah sedar yang berkaitan dengan naluri seksual adalah faktor dalaman yang membentuk tingkah laku beragama. Persamaan yang boleh diklasifikasikan di antara kedua-dua sarjana ini adalah dari aspek komponen yang mengawal tingkah laku beragama. Kedua-dua sarjana ini membahaskan terdapat tiga tahap komponen yang mengawal pembentukan tingkah laku beragama. Menurut al-Ghazali, tiga komponen tersebut adalah nafs al-mutmainnah, nafs lawwamah dan nafs amarah manakala Freud pula menyatakan komponen tersebut adalah id, ego dan superego. Namun begitu, masih jelas wujud perbezaan dalam perbincangan kedua-dua sarjana ini berhubung tiga tahap komponen yang mengawal tingkah laku manusia kerana mereka mempunyai latar belakang pemikiran yang berbeza.

Kata kunci: Faktor pembentuk; Faktor dalaman; Tingkah laku beragama; al-Ghazali; Sigmund Freud

ABSTRACT

One of the factors that influence the formation of religious behavior is internal factors. This matter has been discussed by Western scholars and Islamic scholars which is al-Ghazali (1058-1111) and Sigmund Freud (1856-1939). However, they have their own views based on their study and their understanding. Therefore, this paper exemplifies their views and their thoughts on internal factors as a factor in religious behavior development. After being examined, there were differences and similarities between them in discussing this matter. The difference is, the terms of internal factors that influence religious behavior development. According to al-Ghazali religious behavior influence by soul

¹ Calon Ph.D. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. email: nornazimi67@gmail.com

² Pensyarah Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

³ Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

components which is ruh, nafs, aql dan qalb. According to Freud, the subconscious mind that relates to sexual instincts (libido) is an internal factor that develop religious behavior. The similarities that can be classified between both scholars is the level of components that control religious behavior formation. According to al-Ghazali the three levels of components are nafs al-mutmainnah, nafs lawwamah and nafs amarah while Freud stated that id, ego and superego levels control religious behavior formation.

Keywords: Formation Factors; Internal Factors; Religious Behavior; al-Ghazali; Sigmund Freud

Pendahuluan

Tingkah laku beragama difahami sebagai aktiviti zahir yang dilakukan oleh seseorang yang beragama berdasarkan keyakinannya kepada agama yang dianuti olehnya. Tingkah laku beragama merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang mana tidak hanya terhad kepada aktiviti khusus dalam agama sahaja bahkan merangkumi semua tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang baik berhubungan dengan Tuhan mahupun berhubung sesama manusia. Tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang perlu dilakukan berdasarkan agama dan selari dengan ajaran agama yang dianuti atau dipercayai oleh seseorang (Micheal 1958; Feierman 2009; Hajaroh 1998; Subandi 2013 & Laila 2013). Tingkah laku adalah sesuatu yang boleh diubah dan dibentuk dengan usaha yang keras kerana tingkah laku adalah bersifat relatif dan tidak beku. Begitu juga dengan tingkah laku beragama juga adalah sesuatu yang boleh dibentuk dan boleh diubah dengan usaha yang keras. Perubahan dan pembentukan tingkah laku beragama dipengaruhi oleh pelbagai komponen daripada faktor dalaman. Sarjana Islam berpendapat, faktor dalaman merupakan faktor dominan mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama. Ini kerana, setiap tingkah laku manusia digerakkan oleh unsur kerohanian yang merupakan komponen dalaman dan akhirnya akan dizahirkan pula oleh anggota badan (al-Ghazali 1967).

al-Ghazali (1058-1111) atau nama sebenarnya Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali adalah seorang tokoh pemikir Islam yang ulung dan terkenal di dunia akademik antarabangsa dan juga merupakan tokoh pemikir agung dan reformis dalam sejarah Islam (al-Quasem 1975). Beliau juga dikenali sebagai *Hujjah al-Islam* kerana ketinggian ilmu, keluasan ilmu dan merupakan seorang tokoh yang telah mempertahankan Islam (Syihatah 1997). Beliau adalah seorang tokoh yang menguasai pelbagai bidang ilmu seperti tasawuf, fiqh, usul al-fiqh, ilmu kalam, falsafah, logik dan hadith dengan baik. Beliau muncul sebagai seorang tokoh dengan ketulenan identiti ilmu Islam yang bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah (Zakaria t.th).

Sigmud Freud (1856-1939) adalah nama yang amat dikenali dalam sejarah psikologi Barat. Beliau telah menulis pelbagai karya yang menarik dan terkenal dalam bidang perubatan dan saintifik. Di dalam penulisannya, beliau juga menyentuh isu agama, namun secara keseluruhannya penulisan beliau bersifat menganalisis terhadap agama (Kate 2000). Beliau adalah pengasas teori *Humanisme* iaitu satu fahaman yang meletakkan kehendak manusia sebagai matlamat dan pusat kehidupan. Freud adalah tokoh yang berada di era revolusi yang mana pihak gereja dan golongan bangsawan bertindak kejam terhadap para ilmuwan dan rakyat jelata pada zaman feodal Eropah. Hal ini menyebabkan para ilmuwan dan rakyat jelata menolak agama secara ekstrem yang telah membawa mereka kepada

kecintaan terhadap diri sendiri (Norsaleha 2015). Hal ini adalah asas pembentukan fahaman Freud yang memisahkan agama dan meletakkan kehendak manusia sebagai matlamat atau sekular⁴. Hal ini adalah bertentangan sama sekali dengan prinsip kehidupan Muslim yang mengutamakan Tuhan dan agama dalam kehidupan. malah al-Qardawi (1999) menjelaskan, pemikiran Barat merujuk kepada pemikiran falsafah yang menentukan pandangan manusia Barat terhadap agama dan kehidupan, tentang alam semesta dan manusia, ilmu pengetahuan dan nilai.

Kedua-dua sarjana klasik ini adalah tokoh dalam bidang tingkah laku manusia dan psikologi. Pemikiran mereka mempengaruhi pelbagai bidang dan menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk memperihalkan pandangan dan pemikiran mereka berhubung faktor dalaman sebagai faktor pembentuk tingkah laku beragama. seterusnya, makalah ini juga bertujuan untuk membuat perbandingan iaitu dari segi persamaan dan perbezaan pemikiran kedua-dua sarjana ini dalam membincangkan aspek pembentukan tingkah laku beragama.

Faktor dalaman yang membentuk tingkah laku beragama

Faktor dalaman adalah unsur atau komponen dalam diri manusia seperti akal, jiwa, nafsu dan hati. Hal ini adalah berdasarkan perbincangan al-Ghazali dan Freud dalam teori mereka berhubung pembentukan tingkah laku. al-Ghazali (1967) menjelaskan faktor dalaman yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama adalah *ruh*, *al-nafs*, *qalb* dan *al-^oaql*. *Ruh* bermaksud *al-latifah al-^oalimah al-mudrikah* yang wujud dalam diri manusia. *Ruh* merupakan salah satu makna *qalb* yang mengetahui dan merasa. *Ruh* adalah dalam urusan ketuhanan yang menakjubkan, yang melangkaui batasan akal dan kefahaman manusia untuk mengetahui hakikatnya. *Al-nafs* merupakan hakikat manusia yang mempunyai daya mengetahui, berfikir, mengingat, menerima pelbagai ilmu, membuat pertimbangan terhadap sesuatu perkara, bergerak dengan kemahuannya, mengenal, mendekati dan melakukan perintah Allah s.w.t. *Al-qalb* merupakan zat yang halus, bersifat kerohanian atau *latifah rabbaniyah ruhaniyyah* yang mempunyai ketergantungan kepada hati jasmani atau akal. *Latifah* merupakan hakikat manusia yang mampu memahami dengan kefahaman maknawi, mengetahui dan dapat merasai ganjaran pahala dan dosa. Ini menjelaskan bahawa *qalb* mampu mencerap sesuatu yang bersifat maknawi melalui mata hati atau *basirah*. *Al-^oAql* pula bermaksud pengetahuan tentang hakikat sesuatu perkara mengetahui dan memahami ilmu-ilmu atau pengetahuan yang berada atau berlaku dalam *qalb*. Akal turut disebut sebagai *qalb* iaitu *qalb* jasmani yang terletak di dalam dada yang mana mempunyai perkaitan unik dengan *qalb*. Perkaitan unik tersebut merupakan pergerakan tubuh badan manusia dihubungkan dengan cetusan dari *qalb* melalui penggerakan *qalb* jasmani. Lebih jelas lagi, hati jasmani merupakan kerajaan bagi *latifah^o alimah al-mudrikah* yang berfungsi sebagai pusat bagi seluruh pergerakan badan.

⁴ Sekular merupakan salah satu aliran perkembangan falsafah ilmu di Barat bermula abad ke 15. Ia merujuk kepada penolakan terhadap ilmu agama sebagai sumber untuk membina persepsi dalam kehidupan. Ia bermula semenjak kelahiran semula Renaissance di Eropah (Osman Bakar 1994).

Menurut Freud pula faktor dalaman yang mempengaruhi tingkah laku beragama manusia adalah minda bawah sedar iaitu keinginan seksual atau *libido*. Keinginan seksual telah wujud dalam diri manusia sejak usia kanak-kanak lagi dan telah menjadi kekuatan jiwa seseorang. Keinginan seksual merupakan tenaga atau kekuatan yang berada dalam minda bawah sedar seseorang yang mana mereka berusaha untuk memenuhi keperluan dan keinginan sehingga mencapai kepuasan dan keseronokan. Keinginan seksual digerakkan oleh daya tenaga yang dimiliki oleh *id* yang merupakan asal bagi semua daya tenaga dalam minda bawah sedar yang lain iaitu *ego* dan *superego*. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa manusia merupakan makhluk seksual yang didorong oleh desakan nafsu dan berusaha untuk memenuhi kehendak naluri tersebut. Keinginan seksual merupakan bahagian daripada *id* yang menjadi penggerak setiap tingkah laku (Freud 1967).

Sebahagian besar teori beliau adalah berdasarkan keperluan dan keinginan manusia seperti lapar, dahaga, menghindari daripada ancaman bahaya dan seks. Keseluruhan pemikiran beliau dipandu melalui keinginan kerana beliau berpendapat bahawa keinginan merupakan faktor-faktor asas kepada kehidupan manusia dan jiwa mereka. Tambah beliau lagi, faktor ini lebih penting daripada sebarang fungsi kerohanian atau fungsi moral. Bahagian paling penting adalah sistem gemuruh yang dikenali sebagai *id* yang mana merubah keperluan manusia kepada daya penggerak yang dikenali sebagai hajat atau keinginan (Sofe 2012).

Tiga komponen yang mengawal tingkah laku beragama

al-Ghazali menjelaskan tiga komponen *al-nafs* yang mengawal tingkah laku beragama seseorang adalah *al-nafs al-mutmainnah*, *al-nafs al-lawwamah* dan *al-nafs al-amarah*. Ketiga-tiga tingkatan *al-nafs* tersebut menyebabkan tingkah laku beragama seseorang berbeza-beza. Hal ini kerana, *al-nafs al-mutmainnah* adalah *al-nafs* yang tenang dan jauh daripada hasutan nafsu syahwat. *Al-nafs al-mutmainnah* adalah tingkatan *al-nafs* yang paling tinggi kerana manusia bebas daripada nafsu kejahatan dan dipenuhi dengan cahaya ketuhanan. *Al-Nafs al-lawwamah* ialah *al-nafs* pertengahan yang mana mengecam manusia yang lalai daripada mentaati perintah Tuhan dan menyesalinya. *Al-Nafs* ini adalah jiwa yang tidak sempurna ketenangannya kerana sentiasa bergolak antara kebaikan dan kejahatan. *Al-Nafs al-amarah* pula adalah *al-nafs* yang sentiasa mengajak kepada maksiat dan meninggalkan perjuangan menentang nafsu syahwat malah tunduk kepadanya.

Menurut Freud pula, komponen yang mengawal tingkah laku beragama adalah *id*, *ego* dan *superego*. *Id* merupakan naluri yang berkaitan dengan prinsip keseronokan tanpa mempedulikan tentang realiti dan pertimbangan dari segi moral dan logik. Selain itu, *id* juga merupakan gejala bawah sedar dan satu tenaga yang *primitif* atau kuno, tidak teratur, tidak rasional dan penuh dengan perasaan yang berkehendakkan kepuasan diri secara mendadak dan tidak berfikir panjang. *Id* tidak akan pernah matang dan membesar walaupun individu yang memilikinya sudah meningkat usia dan bertambah matang pemikirannya. Matlamat asasnya adalah untuk memuaskan nafsu dalam diri seperti nafsu emosi, fisiologi dan seksual (Sapora 2014).

Ego merupakan tenaga jiwa yang berasal daripada komponen *id* dan bertindak sebagai kuasa utama yang mengawal tingkah laku manusia. *Ego* mempunyai hubungan dengan dunia realiti yang bertindak pula berdasarkan prinsip realiti. Ia memiliki kemampuan untuk menyelesaikan masalah, memiliki cara untuk memenuhi kehendak *id*, memiliki prinsip yang

bersandarkan realiti yang wujud ketika itu untuk mengawal *id* dengan jalan yang betul dan nyata (Corey 2009). *Superego* pula lebih bersifat sosial dan bermoral yang mana komponen *superego* ini bertanggungjawab terhadap setiap tingkah laku sama ada yang baik atau yang buruk dan betul atau salah (Sapora 2014). *Superego* mewakili kesempurnaan daripada perkara sebenar ke arah kesempurnaan bukan keseronokan. *Superego* bertindak untuk menyekat *ego* daripada mematuhi kehendak *id*. Fungsi utamanya adalah untuk menyekat desakan *id* terutamanya berkaitan kehendak seks. Selain itu, *superego* berfungsi bagi menggantikan matlamat *realistik* dengan tujuan moral disamping berusaha ke arah kesempurnaan sendiri (Corey 2009).

Perbincangan

Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa kedua-dua sarjana ulung tersebut menyatakan bahawa tingkah laku beragama dipengaruhi oleh unsur dalaman atau unsur kerohanian. al-Ghazali menjelaskan unsur dalaman yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama adalah *al-nafs* atau jiwa, manakala bagi Freud pula, minda bawah sedar merupakan pengaruh kepada pembentukan tingkah laku beragama. Berdasarkan perbincangan kedua-dua sarjana tersebut, tingkah laku beragama dikawal oleh tiga komponen yang berbeza fungsinya. Perbincangan al-Ghazali lebih cenderung kepada aspek kerohanian dan sifat semulajadi seorang manusia. Komponen *al-ruh*, *al-nafs*, *al-^caql* dan *al-qalb* merupakan komponen jiwa manusia yang merupakan intipati seorang manusia. Dari segi kerohanian, kesemua komponen tersebut adalah komponen yang berhubung dengan aspek ketuhanan. Freud pula cenderung membincangkan minda bawah sedar manusia memainkan peranan dalam menzahirkan pemikiran mereka melalui tingkah laku beragama. Beliau menjelaskan manusia berasal dari haiwan. Berdasarkan teori ini, beliau berpendapat bahawa, dorongan utama tingkah laku manusia adalah bergantung kepada desakan atau keinginan seksual. Perkara ini bertepatan dengan konsep yang dikemukakan oleh beliau iaitu sistem *oedipus complex*⁵.

Setelah diteliti, perbezaan ketara diantara kedua-dua sarjana tersebut adalah dari aspek ketuhanan. Freud tidak membincangkan aspek ketuhanan dalam teori yang diperkenalkannya. Ini kerana beliau adalah sarjana yang berada di era revolusi sains moden Barat iaitu tempoh masa selepas era kebangkitan semula. Sarjana Barat pada ketika itu cenderung membahas aspek yang berhubung dengan kemanusiaan berdasarkan aspek biologi. Aspek ini cenderung membandingkan manusia dengan haiwan. Pada ketika itu juga, pemisahan antara sains dengan agama berlaku kerana penentangan terhadap gereja (Sulaiman 2010). Malah, Freud menjelaskan bahawa orang yang beragama adalah tidak matang seperti seorang kanak-kanak. Tingkah laku beragama yang dilakukan oleh seseorang pula adalah merupakan gejala-gejala *neurosis* (Heije 1907). Hal ini berbeza dengan pemikiran al-Ghazali yang mana aspek ketuhanan adalah keutamaannya dalam membincangkan sifat manusia dan pembentukan tingkah laku.

⁵ Satu situasi pemikiran dan perasaan di bawah sedar seseorang manusia yang berhubung dengan keinginan. Sistem ini berdasarkan kisah keinginan dan perasaan seorang anak lelaki untuk memiliki sesuatu yang dimiliki oleh seorang ayah. Sindrom ini berkaitan dengan naluri seksual seorang anak dan perasaan cinta terhadap ibunya sehingga sanggup membunuh ayah sendiri. Namun selepas itu, timbul penyesalan dalam dirinya sehingga ingin menghidupkan kembali ayahnya. Lalu beliau menghidupkan kembali ayahnya dengan sesuatu yang lain iaitu 'totem' sebagai pengganti ayahnya lalu totem tersebut disembah (Freud 2001).

Dari segi persamaan pula, ia dikenalpasti melalui perbincangan mereka berkaitan komponen yang mengawal tingkah laku beragama. Kedua-dua sarjana tersebut telah menjelaskan bahawa pembentukan tingkah laku beragama dikawal oleh tiga komponen keinginan atau nafsu manusia. Ketiga-tiga komponen tersebut berbeza-beza fungsi sehingga menyebabkan perbezaan dalam tingkah laku beragama, jika seseorang dipengaruhi oleh salah satu daripada tiga komponen tersebut. Bagi al-Ghazali, tiga komponen tersebut adalah *al-nafs al-mutmainnah*, *al-nafs al-lawwamah* dan *al-nafs al-amarah*. Manakala bagi Freud pula, komponen tersebut adalah *id*, *ego* dan *superego*. Di sini, wujud persamaan dari segi fungsi kawalan ketiga-tiga komponen tersebut dalam mengawal tingkah laku beragama seseorang. Persamaan wujud antara komponen *id* dengan komponen *al-nafs al-amarah* manakala komponen *ego* dan *superego* persamaannya dapat diklasifikasikan dengan *al-nafs al-lawwamah* dan *al-nafs al-mutmainnah*. Hal ini adalah berdasarkan fungsi komponen *id* dan *al-nafs al-amarah* yang boleh diidentifikasikan sebagai hampir sama iaitu mengajak kepada kejahatan dan hanya berkehendakkan untuk memenuhi keinginan secara mendadak. Oleh itu, ini adalah komponen dalaman yang membentuk tingkah laku beragama yang tidak selari dengan agama yang sewajarnya. Kedua-dua komponen ini hanya mahu memuaskan nafsu secara dramatik dan melakukan keingkaran.

Seterusnya, *ego* adalah tenaga mental yang berkaitan dengan realiti dunia yang bertindak berdasarkan prinsip realiti. Ia mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan *id* dan mengawal *id* dengan cara yang betul dan realistik. *Superego* mewakili kesempurnaan, ia berfungsi untuk menggantikan matlamat yang realistik dengan tujuan moral selain bekerja untuk kesempurnaan diri (Corey 2009). *Nafs mutmainnah* pula mengajak manusia untuk melakukan kebaikan, membimbing manusia melaksanakan perintah Tuhan dan mengawal hawa nafsu manusia dengan cara yang betul. Oleh itu, ini adalah unsur dalaman yang membentuk tingkah laku beragama yang sewajarnya. Komponen ini mengawal manusia supaya mereka boleh bertindak dengan cara yang betul.

Kesimpulan

Kesimpulannya, faktor dalaman mempunyai pengaruh yang dominan dalam pembentukan tingkah laku beragama. Berdasarkan perbincangan daripada al-Ghazali dan Freud, komponen dalaman yang membentuk tingkah laku beragama seorang manusia adalah *al-ruh*, *al-qalb*, *al-nafs* dan *al-'aql*. Bagi al-Ghazali, komponen-komponen ini adalah unsur yang berkait antara satu sama lain dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama. Bagi Freud pula, komponen dalaman yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama adalah minda bawah sedar manusia yang berkait dengan naluri seksual. Selain itu, tingkah laku beragama juga dikawal oleh tiga komponen yang menyebabkan perbezaan dalam bentuk tingkah laku beragama yang dizahirkan oleh seorang manusia. Komponen tersebut adalah unsur *al-nafs al-mutmainnah*, *al-nafs al-lawwamah* dan *al-nafs al-amarah* sebagaimana yang telah dibincangkan oleh al-Ghazali. Komponen tersebut juga terdiri daripada unsur minda bawah iaitu *id*, *ego* dan *superego* sebagaimana dalam perbincangan Freud.

Kedua-dua sarjana tersebut mempunyai perbezaan yang ketara dalam mengemukakan asas kepada teori mereka. Hal ini kerana, setiap teori yang dikemukakan adalah berdasarkan ilmu dan juga pemerhatian yang telah dilakukan oleh mereka. Asas pemikiran al-Ghazali adalah tidak keluar dari aspek ketuhanan, agama dan sifat semulajadi manusia. Manakala asas kepada teori Freud pula adalah pemerhatian beliau terhadap haiwan dan bersifat sekular. Teori beliau dikembangkan tanpa mengambil kira aspek ketuhanan dan agama sehingga

menyatakan agama adalah ilusi manakala tingkah laku beragama adalah salah satu dari gejala-gejala neurosis yang dialami oleh pesakit saraf otak. Justeru, perbincangan daripada kedua-dua sarjana ini membuktikan bahawa unsur dalaman manusia berperanan penting dalam membentuk tingkah laku beragama seseorang.

Oleh yang demikian, manusia harus menjaga komponen dalaman khususnya akal. Ini kerana, akal merupakan unsur atau faktor utama dalam membentuk tingkah laku beragama seseorang manusia. Perkara ini dapat dijelaskan sepertimana dalam perbincangan al-Ghazali yang mana beliau menjelaskan komponen-komponen *al-qalb*, *al-nafs* dan *al-ruh* adalah komponen yang mengikut gerakan daripada *al-^caql* iaitu akal. Freud pula dengan jelas membincangkan komponen minda sebagai faktor pembentukan tingkah laku beragama. Walau bagaimanapun, beliau lebih cenderung membincangkan konsep minda manusia yang berhubung dengan sistem saraf. Namun, apa yang jelas akal dan minda manusia berperanan penting dalam mengawal dan membentuk tingkah laku beragama manusia.

Rujukan

- Corey. 2009. *Theory and Practice of Counseling and Psychoteraphy*. United State: Thomson Brooks.
- Feierman, Jay R. Feierman. 2009. *The Biology of Religious Behavior: The Evolutionary Origins of Faith and Religion*. California: Praeger.
- Freud, Sigmud Freud. 1967. *Beyond The Pleasure Principle*. New York: Norton.
- al-Ghazali, Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. 1967. *Ihya' ^cUlum al-Din*. Qahirah: Mu'assah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyri^c wa at-Tauzi^c.
- Hajaroh, Mami Hajaroh. 1998. Sikap dan Perilaku Keagamaan Mahasiswa Islam di Daerah Istimewa Yogyakarta. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi* 1(1): 19-31.
- Heije Faber. 1907. *Psychology of Religion*. Philadelphia: The Westminster Press.
- Kate M. Loewenthal. 2000. *The Psychology of Religion: A Short Introduction*. England: Oneworld Oxford.
- Laila Nur Wahyuni. 2013. Pola Pembentukan Perilaku Keberagamaan Peserta Didik Di SMA IT Abu Bakar Yogyakarta. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia.
- Micheal Argyle. 1958. *Religious Behavior*. London: Routledge House & Kegan Paul Ltd.
- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. Melawan tentangan feminisme dan liberalisme di Malaysia. Prosiding Seminar Internasional Muslimah dan Peradaban Islam, Hotel Menteng, Jakarta. 8 Jun 2015.
- Osman Bakar. 1994. *Wujudkan tamadun ilmu berlandaskan tauhid*, dalam Falsafah Sains daripada Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qardawi, Yusuf al-Qardawi. 1999. *Tamadun Islam, alternatif masa depan*. Terj. Juanda Jaya. Kuala Lumpur: Maktabah al-Qardawi.
- al-Quasem, Muhamad Abu al-Quasem. 1975. *The Ethic of al-Ghazali: a Composite Ethics in Islam*. United Kingdom: University of Edinburgh.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. 2014. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sofe Ahmed. 2012. Sigmund Freud's Psychoanalytic theory Oedipus complex: A Critical Study With Reference to D. H. Lawrence's "Son and Lovers. *Internal Jurnal of English and Literature* 3(3): 60-70.
- Subandi. 1995. Perkembangan Kehidupan Beragama. *Psikologi* 3(1): 11-18.
- Sulaiman Noordin. 2010. *Sejarah Pemikiran 1*. Bangi: National University of Malaysia.

- Syihatah, Muhammad Sayyid Ahmad Syihatah. 2009. *al-Syaikh Muhammad al-Ghazali Min al-Sunnah al-Nabawiyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Zakaria Stapa. t.th. al-Quran dan al-Sunnah Teras Kerjaya Keilmuan al-Ghazali. *Jurnal Penyelidikan Islam*: 83-104.